

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Murid dikehendaki membina mobail kejiranan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
 3. Guru akan menyediakan bahan dan peralatan iaitu kayu, benang kait, penyepit makanan, kad pelbagai bentuk dan warna, pen dan gunting.
 4. Murid akan membina penyangkut mobail yang kreatif dan boleh digantung di dalam kelas.
 5. Guru akan memberi soalan kepada setiap kumpulan seperti cara bertanggungjawab terhadap jiran, kepentingan dan perasaan bertanggungjawab terhadap jiran.
 6. Murid secara berkumpulan akan menulis respon soalan kumpulan dalam kad pelbagai bentuk dan warna.
 7. Kemudian mereka akan mengedar catatan mereka mengikut pusingan jam supaya setiap ahli kumpulan dapat menambah atau memperbetulkan apa yang ditulis.
 8. Ikat menggunakan benang pada kad pelbagai bentuk dan warna yang telah siap ditulis jawapan.
 9. Kemudian sangkutkan di atas pintu kelas agar dapat dilihat dan dibaca oleh kumpulan lain.
 10. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan hasil kerja murid.

SP 3.5 TP 6

Gambar Contoh

